

UniSZA cipta aplikasi MyTrain

» Tujuan bantu mudahkan pengguna tren urus perjalanan

Oleh Syahirah Abdullah
bhkt@bh.com.my

■ Kuala Terengganu

Sekumpulan penyelidik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) melakar sejarah apabila membangunkan aplikasi mudah alih yang dikenali 'MalaysiaTrain' (MyTrain).

Aplikasi yang dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan Inovasi UniSZA, bertujuan memudahkan pengguna tren, khususnya di Lembah Klang dan pelancong asing mengurus serta menjadualkan masa dan perjalanan mereka sehari-an.

Aplikasi MyTrain merangkumi semua laluan rangkaian tren di sekitar Lembah Klang termasuk Express Rail Link (ERL), transit aliran ringan, KTM Komuter dan KL Monorel.



Yahaya (kiri) bertukar memorandum persefahaman (MoU) bersama Reza.

[FOTO SYAHIRAH ABDULLAH/BH]

Ia boleh dimuat turun menggunakan sistem iOS bagi pengguna produk jenama Apple, manakala bagi pengguna sistem Android, MyTrain akan boleh dimuat turun dalam masa terdekat.

Pensyarah Fakulti Informatik dan Komputeran UniSZA, Azwa Abdul, berkata UniSZA mensasarkan 50,000 pengguna tren akan dapat menguruskan penjadualan masa serta perjalanan sehari-an mereka me-

lalui penggunaan aplikasi itu pada akhir tahun ini.

Setakat ini, seramai 3,146 pengguna memanfaatkan aplikasi itu selepas diperkenalkan pada Disember tahun lalu.

"Keadaan di Lembah Klang sangat sesak dan satu cara memastikan semua orang dapat ke destinasi masing-masing dengan cepat ialah melalui tren," kata pada sidang media selepas menandatangani memorandum persefahaman antara

UniSZA dan Terato Tech Sdn Bhd, di sini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Yahaya Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Terato Tech, Reza Razali.

Azwa berkata, melalui kerjasama dua hala antara Terato Tech dan UniSZA, MyTrain akan dapat dipasarkan dengan lebih meluas serta pemindahan teknologi antara kedua-dua pihak.

Katanya, pihaknya memilih Terato Tech sebagai konsultan untuk aplikasi itu kerana syarikat berkenaan milik Bumi-putera serta mempunyai rekod yang baik dalam bidang pembangunan aplikasi.

Terato Tech berpangkalan di Bandar Baru Bangi, Selangor.

"Syarikat itu banyak membangunkan beberapa aplikasi iOS serta Android yang popular untuk syarikat korporat seperti aplikasi CIMB Clicks, Axiata Cup dan Malaysia Hotline," katanya.